

## Pendidikan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembentukkan Keperibadian Murid

<sup>1</sup>Norliza Hamzah, <sup>2</sup>Hidayat Abdullah

<sup>1</sup>Sekolah Kebangsaan Mentakab Chatin, Mentakab, Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>1</sup>ronazilazil838@gmail.com

**Published:** 25 June 2021

**To cite this article (APA):** Hamzah, N., & Abdullah, H. (2021). Pendidikan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembentukkan Keperibadian Murid. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 22-33.  
<https://doi.org/10.37134/peredaban.vol16.1.3.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peredaban.vol16.1.3.2021>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kesepakatan pakar bidang Pendidikan Islam tentang Pendidikan Nilai-Nilai Islam dalam membentuk keperibadian murid di sekolah dengan menggunakan aplikasi kaedah *Fuzzy Delphi*. Kajian ini melibatkan 16 orang panel pakar yang dalam kalangan penyelia Pendidikan Islam, pentadbir sekolah dan Ketua Panitia. Analisis kaedah kajian *Delphi* menggunakan dua pusingan utama iaitu analisis kualitatif dan analisis kuantitatif. Kaedah *Fuzzy Delphi* dibina bertujuan untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap item-item soal selidik yang dibina menggunakan skala Likert 5 tahap penguat. Instrumen soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian yang merangkumi aspek pengurusan kendiri, aspek pengurusan tingkah laku dan aspek motivasi. Kesemua item yang dipersetujui oleh panel pakar ialah sebanyak 41 item. Dapatan kajian *Delphi* menunjukkan nilai skor *Thersholt* (d) sebanyak 0.091 dengan peratusan kesepakatan kumpulan pakar *Delphi* 94.3%. Implikasi kajian ini menunjukkan kepentingan pembelajaran pendidikan Akhlak oleh murid di sekolah dapat membantu dan meningkatkan kualiti keperibadian murid dari aspek pengurusan kendiri, tingkah laku dan aspek motivasi. Selain itu, dapat dijadikan panduan yang berguna dalam menentukan kehidupan yang berkualiti dunia dan akhirat.

**Kata Kunci:** Pendidikan akhlak, keperibadian mulia, pengurusan kendiri

### ABSTRACT

*This study discusses the importance of Moral Education learning in shaping students' personalities in schools. Content contained in the teaching of moral education such as good manners, manners with teachers, manners in mosque and manners in the vehicle can link student self-management and motivation in school. Using a mixed method design, a quantitative and qualitative data approach to information on the importance and relevance of moral education learning to student personality is derived from questionnaires, interviews, books and related articles. The results show that the importance of the content of moral education learning on the practice and quality of students' personalities in schools is high. In short, the impact of Islamic education learning guides students to practice and apply good behavior in school.*

**Keywords:** Islamic Moral education, ability in understanding, effective of Islamic Moral education, Implication.

## PENGENALAN

Pendidikan merupakan suatu proses yang digunakan oleh seseorang individu untuk memberi seseorang individu ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai etika yang secara tidak langsung membina identiti dalam sesebuah bangsa (Sigit Tri Utomo, 2017). Keberkesanan untuk menterjemah semula konsep pendidikan digambarkan oleh individu melalui kepelbagaiannya tingkah laku dan perwatakan mereka dalam kehidupan seharian (Nuriman & Fauzan, 2017). Dalam perkataan lain, pendidikan memandu manusia untuk memahami dan mentafsir situasi dalam pelbagai aspek dan bentuk bersesuaian serta seiring dengan kehidupan dan kehendak persekitaran (Schein D, 2014). Dalam menggambarkan konsep pendidikan, Islam meletakkan nilai-nilai mulia iaitu nilai adab seperti adab *berehlah*, adab di padang dan adab dalam perhimpunan sebagai paksi dan cerminan keperibadian seseorang individu muslim dengan individu yang bukan muslim (KSSR Pendidikan Islam Tahun 5, 2020).

Di Malaysia, bidang pendidikan berkembang maju atas dasar, kehendak dan permintaan pasaran serta era globalisasi. Fenomena ini berlaku disebabkan *trend* pendidikan dunia masa kini yang serba canggih dan moden. Misalnya, pada era 2000 sistem pendidikan negara menekankan pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengeluaran produk masa depan, iaitu generasi muda yang memiliki pendidikan berkualiti, berakhlak mulia dan berkemahiran tinggi setanding dengan standard pendidikan antarabangsa (Azmil Hashim, 2017). Oleh yang demikian, untuk merealisasikan hasrat tersebut perkembangan pendidikan perlulah bersifat dinamik, utuh dan memiliki gaya, teknik dan kemahiran tersendiri bersesuaian dengan acuan masyarakat Malaysia. Namun begitu, pernyataan tersebut masih belum boleh dicapai atau dijadikan bukti serta petunjuk kepada masyarakat keberkesanannya, terutamanya dalam aspek pembangunan kualiti tingkah. Hal ini menjadi bertambah runcing apabila berlakunya peningkatan kes-kes jenayah yang membabitkan akhlak oleh murid di sekolah ( Sinar Harian Online , 2014).

Berpandukan perbincangan di atas, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukkan keperibadian murid di sekolah. Selanjutnya, penemuan kajian ini berupaya mendedahkan kepentingan pendidikan akhlak terhadap generasi masa kini. Bagi guru, mereka perlu mempamerkan perwatakan yang baik dan merancang serta mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang berunsur pembentukkan aqidah dan kerohanian, selain daripada pemantapan nilai-nilai murni dalam kalangan murid di sekolah. Manakala, murid perlu menyedari kepentingan pendidikan akhlak dalam kehidupan seharian mereka.

## PERNYATAAN MASALAH

Isu pembentukan keperibadian murid tidak pernah diambil berat oleh masyarakat masa kini atas beberapa alasan. Antaranya, campur tangan politik yang menangkis pakar pendidikan untuk bersuara dan mengutarakan pendapat (Kennedy, 2012). Implikasinya, masih berlaku kemerosotan nilai-nilai murni dan pertambahan nilai-nilai negatif dalam kalangan murid di sekolah. Melalui kajian yang dilakukan oleh Suhaimi Mohamad (2013) menunjukkan murid lebih cenderung untuk terbabit dalam aktiviti kurang sihat seperti buli dan gengsterisme. Kenyataan tersebut menggambarkan bahawa pemahaman murid tentang kepentingan beradab dan berkeperibadian mulia terhakis dengan lambakan nilai-nilai negatif yang mudah didapati dalam persekitaran mereka (Ainul Mardziah Zulkifli, 2018)

Littky (2016) menghuraikan dengan lebih lanjut kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa segelintir murid kurang memiliki visi yang jelas dan menyebabkan mereka kurang bermoral. Mengulas lanjut pernyataan tersebut, Nurafzan Muhamamad; Md. Hamzaimi; dan Azrol Md Baharuddin (2012) berpendapat bahawa matlamat dan hala tuju masyarakat hari ini tersasar dari landasan Islam disebabkan sering terdedah dengan pelbagai maklumat yang kurang tepat, palsu, menyeleweng, merosakkan minda dan mengakibatkan sejumlah anggota masyarakat hilang jati diri serta keperibadian akhlak yang mulia. Dalam hal ini, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid (2016) menegaskan bahawa amalan dan pentabiatan akan berlaku hasil daripada pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu isu di sekeliling

mereka. Dalam perkataan lain, pembentukkan keperibadian seseorang individu berkait rapat dengan penggunaan teori dan konsep amalan setempat (Lokman Mohd Tahir & Kalsom Saleh, 2010).

Walau bagaimanapun, seperti yang digambarkan oleh Englander EK (2015) penggunaan aplikasi teori peneguhan dan hukuman tidak akan merubah tingkah laku individu kerana bersifat sementara. Kenyataan tersebut dikukuhkan dengan pandangan Mohamad Khairi Othman (2015) yang menyatakan bahawa pembentukkan keperibadian individu berlaku apabila pencapaian tahap kematangan dari aspek psikologi, emosi dan kognitif dan sosial memberi impak kepada penghayatan nilai murni dalam diri mereka.

Walau bagaimanapun, dalam perspektif Islam keperibadian disignifikan dengan tahap ketakwaan dan keimanan mereka terhadap Allah. Menurut Yusuf al-Qardawi (2010) memenuhi syarat menepati hak kepada Allah dan sentiasa mendekatkan diri dengan-Nya menjadi benteng kepada perlakuan yang tidak sihat. Dalam konteks ini, murid yang mengamalkan dan menghayati ajaran Islam tidak mudah terdedah dengan tingkah laku negatif (Salasiah Hanin Hamjah, 2012). Hal ini selaras dengan objektif yang terkandung dalam kurikulum pendidikan akhlak mengingini lahirnya modal insan yang kamil dari aspek kerohanian, jasmani, intelek dan sosiologi (DSKP Pendidikan Islam, 2014). Namun begitu, pengurusan pembentukkan keperibadian murid di sekolah masih sederhana dan kurang memuaskan.

Justeru, pelaksanaan strategi dan pemantapan pendidikan akhlak perlu dioptimumkan (Sarimah Mokhtar et al., 2011). Mohammad Ghazali dan Nor'Azzah Kamri (2015) menyokong pernyataan tersebut dengan menyatakan bahawa keperibadian seorang muslim terbina atas akidah Islam sebagai asas pembinaan mentaliti yang berpaksikan kepada ajaran agama Islam.

Berpandukan perbincangan di atas, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pandangan murid bagi menjangkakan kesan yang timbul daripada pengajaran dan pembelajaran pendidikan akhlak. Selanjutnya, dapatkan berupaya membantu pihak berkepentingan dalam pendidikan menangani masalah tingkah laku negatif khususnya pihak sekolah dan ibu bapa.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menganalisis tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah.
2. Menjelaskan kepentingan pembelajaran pendidikan nilai-nilai Islam terhadap keperibadian murid-murid di sekolah

## **PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah?
2. Apakah kepentingan pelaksanaan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap keperibadian murid di sekolah?

## **SOROTAN LITERATUR**

Di Malaysia, kebimbangan masyarakat dengan peningkatan kes jenayah yang melibatkan murid adalah tinggi. Hal ini, membangkitkan semangat beberapa pengkaji seperti Ahmad Munawar Ismail (2016), Jamilah Mohd Noor (2014) dan Mardzelah Maksin (2014) membuat beberapa kajian membabitkan masalah tingkah laku, disiplin dan isu yang berlaku sekarang ini. Contohnya, masalah buli siber dan persilangan budaya (Lukman Hakim Ahmad, 2014). Dalam kajian yang dijalankan oleh Suhaimi Mohamad (2013) menunjukkan murid lebih cenderung untuk terbabit dalam aktiviti kurang sihat seperti buli dan gengsterisme. Kenyataan tersebut menggambarkan bahawa pemahaman murid tentang kepentingan beradab dan berkeperibadian mulia terhakis dengan lambakan nilai-nilai negatif yang

mudah didapati dalam persekitaran mereka Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid (2016). Dalam hal ini, Adi Syahid Mohd Ali dan Noor Hisham (2015) bersetuju dengan pernyataan di atas bahawa kebanyakannya unsur agresif yang berlaku dalam kalangan murid adalah disebabkan kelemahan murid untuk mencapai ketenteraman dan keharmonian dalam diri mereka yang akhirnya membawa kepada sikap yang bercelaru. Pengkaji berpendapat bahawa pernyataan di atas dikaitkan dengan kesediaan dan sikap murid terhadap suatu ilmu pengetahuan. Justeru, elemen penyucian diri, iaitu *Tazkiyyatul Al-Nafs* digunakan sebagai penanda aras kepada pembentukan keperibadian seseorang individu dan perlu diambil tumpuan oleh masyarakat.

Mengulas lanjut pernyataan tersebut, Nurafzan Muhamamad, Md. Hamzaimi, dan Azrol Md Baharuddin (2012) berpendapat bahawa matlamat dan hala tuju masyarakat hari ini tersasar dari landasan Islam disebabkan sering terdedah dengan pelbagai maklumat yang kurang tepat, palsu, menyeleweng, merosakkan minda dan mengakibatkan sejumlah anggota masyarakat hilang jati diri serta keperibadian akhlak yang mulia. Dalam hal ini, Muhammad Faizal A. Ghani (2013) menegaskan amalan dan tindakan akan berlaku hasil daripada pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu isu di sekeliling mereka. Malah, Mohamad Khairi Othman dan (2015) berpendapat individu yang mencapai tahap kematangan dari aspek psikologi, emosi dan kognatif dan sosial memberi impak kepada penghayatan nilai murni. Oleh yang demikian itu, pengkaji berpendapat bahawa pemantapan akidah dan kerohanian seseorang individu itu bergantung kepada matlamat dan visi seseorang individu. Dalam perkataan lain, setiap tindakan atau kelakuan mesti berpandu kepada ilmu pengetahuan, nas dan hukum Islam yang sebenar. Kesemua elemen tersebut terkandung dalam pembelajaran pendidikan akhlak di sekolah.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk menggunakan aplikasi kaedah *Fuzzy Delphi*. Kajian ini melibatkan 16 orang panel pakar yang terdiri dalam kalangan penyelia Pendidikan Islam, pentadbir sekolah dan Ketua Panitia. Analisis kaedah kajian *Delphi* menggunakan dua pusingan utama iaitu analisis kualitatif dan analisis kuantitatif.

**Pusingan pertama.** Bagi permulaan pada fasa ini, kaedah temubual dijalankan ke atas 16 orang pakar bagi tujuan untuk mendapatkan senarai awal tema, subtema dan item soal selidik yang akan digunakan pada pusingan yang kedua kajian. Menurut Keeney Hasson dan Mc Kenna (2011) berpandangan bahawa pusingan pertama dalam kaedah kajian *Delphi* boleh dimulai dengan soalan terbuka menerusi sesi temu bual untuk menjana idea dan memperoleh maklum balas berkaitan dengan isu yang dikaji. Malah, penggunaan pendekatan reka bentuk kajian kualitatif dalam pusingan pertama kajian *Delphi* dapat menghasilkan maklumat yang lebih komprehensif. Oleh demikian, data temu bual dikumpul dan di analisis bagi mendapatkan data deskriptif yang menjadi tonggak utama dalam pembentukan tema dan item soal selidik.

**Pusingan kedua.** Bagi pusingan kedua kaedah kajian *Delphi*, terlebih dahulu, panel pakar diberi penjelasan dan penerangan mengenai prosedur serta tujuan kajian sebelum pelaksanaan dijalankan. Selanjutnya, peserta kajian diberikan soal selidik yang mengandungi tema awal dan item soal selidik dikenal pasti berdasarkan temu bual sebelumnya. Seterusnya, peserta kajian diminta untuk berinteraksi dengan menggunakan soal selidik skala Likert lima tahap penguat.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mengenai profil peserta kajian *Delphi* meliputi jantina, kelayakan akademik, dan pengalaman mengajar. Justeru, kajian pada fasa ini melibatkan 16 peserta yang terdiri daripada peringkat penglibatan pelaksana dasar. Selain itu, penganalisisan data dijalankan menggunakan statistik deskriptif, iaitu peratusan.

**Profil peserta kajian Delphi meliputi jantina.** Jadual 1 memperincikan profil peserta kajian Delphi.

Jadual 1 menunjukkan seramai sembilan orang atau 56.25% merupakan peserta lelaki pada peringkat penggubalan dan pelaksanaan dasar dengan perincian seperti mana berikut: seorang (6.25%) adalah lelaki berjawatan SISC+PPD dan seorang (6.25%) adalah perempuan berjawatan SISC+PPD. Manakala, seramai dua orang (12.5%) adalah lelaki berjawatan Penyelia Kanan Sektor Pendidikan Islam.

**Jadual 1:** Profil Peserta Kajian Delphi Berdasarkan Jantina.

Peringkat dan jawatan	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	N	%	N	%	N	%
<b>Penggubal Dasar</b>						
Pegawai SISC + PPD	1	6.25	1	6.25	2	12.5
Penyelia Kanan Sektor Pendidikan Islam	2	12.5	-	-	2	12.5
<b>Pelaksana Dasar</b>						
Guru Besar	2	12.5	2	12.5	4	25.0
Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	2	12.5	2	12.5	4	25.0
Guru Bimbingan dan Kaunseling	1	6.25	1	6.25	2	12.5
Ketua Panitia	1	6.25	1	6.25	2	12.5
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>56.25</b>	<b>7</b>	<b>43.75</b>	<b>16</b>	<b>100</b>

Nota N= Bilangan.

Selanjutnya, dapatan menunjukkan dua orang (12.5%) meliputi peserta peringkat pelaksanaan dasar dengan perincian seperti mana berikut: dua orang (12.5%) adalah lelaki berjawatan Guru Besar dan dua orang (12.5%) adalah pegawai perempuan berjawatan Guru Besar. Selanjutnya, dua orang (12.5%) adalah pegawai lelaki berjawatan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan dua orang (12.5%) adalah pegawai perempuan. Seterusnya, seorang (6.25%) adalah pegawai lelaki berjawatan guru kaunseling, dua orang (6.25%) adalah pegawai perempuan, dan seorang (6.25%) adalah pegawai lelaki berjawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam dan seorang (6.25%) adalah pegawai perempuan.

Secara umumnya, keseluruhan pemilihan peserta kajian Delphi melibatkan sekumpulan pakar yang terlibat secara langsung dengan pengurusan sumber manusia. Oleh itu, proses pemilihan pakar berpandukan persampelan *snowball* serta turut mengambil kira kriteria persampelan dalam kajian Delphi.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan analisis mengenai tahap pengamalan akhlak murid mengikut pandangan panel pakar telah diperincikan berdasarkan temu bual seperti mana di bawah.

Bahagian ini memperincikan dan membincangkan hasil dapatan data soal selidik bagi fasa amalan bertujuan untuk menjawab satu soalan kajian seperti yang berikut:

- (a) Apakah tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah menurut pandangan panel pakar?

Dapatan kajian bahagian ini diperoleh melalui edaran set soal selidik ke atas 16 orang panel pakar di daerah Temerloh, Pahang. Edaran set soal selidik dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah menurut pandangan panel pakar yang telah dipilih oleh pengkaji. Seterusnya, segala data yang diperoleh dirumuskan menggunakan kaedah statistik deskriptif yang melibatkan skor min yang tertinggi dan sisihan piawaian. Dapatan analisis secara keseluruhannya diperincikan melalui Jadual 2.

**Jadual 2:** Skor Min Purata Tahap Pengamalan Akhlak Murid Terhadap Pembelajaran Pendidikan Nilai-Nilai Islam di Sekolah

Nilai Murabatah An-Nafs	Min	SD	Tahap Persetujuan	Interprestasi
Aspek <i>Musyaratah</i>	4.27	0.37	Tinggi	Sangat Memuaskan
Aspek <i>Muqarabah</i>	4.37	0.39	Tinggi	Sangat memuaskan
Aspek <i>Muhasabah</i>	4.10	0.61	Tinggi	Sangat Memuaskan
Aspek <i>Mu'atabah</i>	4.41	0.47	Tinggi	Sangat memuaskan
<b>Jumlah (N=16)</b>	<b>4.32</b>	<b>0.40</b>	<b>Tinggi</b>	<b>Sangat Memuaskan</b>

Nota SD= Sisihan Piawaian, N= Bilangan

Jadual 2 menunjukkan bahawa min purata tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah ialah 4.32 dengan sisihan piawai 0.40. Dapatan ini membuktikan bahawa murid mengamalkan akhlak berpandukan nilai *Murabatah An-Nafs* dalam kehidupan sehari-hari. Antara nilai *Murabatah An-Nafs* yang tersenarai dalam data ini merangkumi aspek *musyaratah*, *muqarabah*, *muhasabah*, dan *mu'atabah*. Hasil dapatan data yang diperoleh daripada aspek *musyaratah* menunjukkan bahawa tahap pengamalan akhlak murid di sekolah sangat memuaskan dengan min purata 4.27 (SD= 0.37). Begitu juga dari aspek *muqarabah* menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dengan min purata 4.37 (SD=0.39). Oleh yang demikian itu, dapatan ini membuktikan bahawa masih wujud kesedaran dalam kalangan murid di sekolah untuk mengamalkan nilai-nilai *muqarabah* dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, nilai *Murabatah An-Nafs* dari aspek muhasabah menunjukkan tahap persetujuan yang sangat memuaskan dengan min purata 4.10 (SD= 0.61). Hasil dapatan kajian yang diperoleh membuktikan bahawa murid menyedari kepentingan nilai *Murabatah An-Nafs* dalam menentukan arah tuju mereka dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, aspek *mu'atabah* juga menjadi nilai utama yang membentuk akhlak murid di sekolah. Purata skor min yang diperoleh ialah 4.41 (SD=0.47).

Kesimpulannya tahap amalan murid terhadap kandungan pembelajaran nilai-nilai Islam di sekolah mengikut susunan tahap persetujuan seperti yang berikut:

- Keazaman murid untuk mengamalkan adab-adab yang dipelajari seperti adab berehlah, adab di majlis keramaian dan adab dalam perhimpunan sebagai bukti kepercayaan mereka terhadap pengawasan serta balasan Allah SWT.
- Responden kajian juga menunjukkan keyakinan tinggi untuk mengamalkan dan mengaplikasikan adab-adab mulia dipelajari di sekolah untuk menggambarkan peranan dan tanggungjawab mereka menjalankan hubungan sosial yang positif dalam komuniti sekolah.
- Ilmu pengetahuan yang terdapat dalam pembelajaran pendidikan akhlak yang membentuk pemikiran dan pengalaman yang positif untuk murid bersikap dan bertingkah laku mulia di sekolah.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa wujud amalan beradab oleh murid di sekolah disebabkan ilmu pengetahuan dan kandungan yang terdapat dalam pembelajaran pendidikan nilai-nilai Islam sebagai panduan.

### **Kepentingan pembelajaran Pendidikan nilai-nilai Islam terhadap keperibadian murid di sekolah**

Bahagian ini memberi gambaran keseluruhan hasil dapatan temu bual (pusingan pertama) yang diterjemah dalam bentuk data soal selidik data soal selidik) berfokus serta bertujuan untuk menjawab soalan kajian seperti yang berikut.

Apakah kepentingan pelaksanaan pembelajaran pendidikan nilai-nilai Islam terhadap keperibadian murid di sekolah?

**Jadual 3:** Taburan Skor *Fuzzy* dan *Nilai Thersholt* bagi Konstruk kepentingan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Terhadap Pembentukan Keperibadian Murid di Sekolah Berdasarkan Aspek.

Kesan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Terhadap Kualiti Keperibadian Murid Di Sekolah Berdasarkan Aspek.	<i>defuzzification process</i>	<i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		
		(d)	Konsensus (%)	Interprestasi
Aspek Kendiri	(A) 0.758	0.076	90.0	Diterima
Aspek Tindakan	0.695	0.083	93.7	Diterima
Aspek Motivasi	0.749	0.115	99.2	Diterima
<b>Jumlah (N= 47)</b>	<b>0.734</b>	<b>0.091</b>	<b>94.3</b>	<b>Diterima</b>

Nota (A) = Skor *Fuzzy* ( $\geq 0.5$ ), (d) = Nilai *Thersholt* ( $\leq 0.2$ ); N=Bilangan

Berdasarkan Jadual 3, dapatan analisis *Fuzzy Delphi* menggambarkan keseluruhan aspek bagi kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah mencapai skor fuzzy (A)  $\geq 0.5$ . Sementara itu, ketiga-tiga aspek tersebut turut disepakati oleh kumpulan pakar Delphi berpanduan nilai *Thersholt* (d)  $\leq 0.2$  (memenuhi syarat pertama) dan memperoleh peratusan kesepakatan  $\geq 75\%$  (memenuhi syarat kedua). Selanjutnya, dalam aspek pengurusan kendiri dapatkan memaparkan purata skor *Fuzzy* (A) sebanyak 0.758. Manakala, purata nilai *Thersholt* (d) sebanyak 0.076 dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar Delphi sebanyak 90.0%. Justeru, dapatan ini menggambarkan kesemua pakar kajian Delphi bersepakat menerima aspek pengurusan kendiri sebagai salah satu konstruk kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah. Seterusnya, bagi aspek pengurusan tindakan dan tingkahlaku pula, dapatkan menunjukkan purata skor *Fuzzy* (A) sebanyak 0.695 dengan nilai *Thersholt* (d) =0.083 dan peratusan kesepakatan kumpulan pakar Delphi =93.7%. Hasil dapatan ini menunjukkan majoriti pakar kajian Delphi bersepakat menerima aspek pengurusan tindakan dan kelakuan sebagai salah satu konstruk di bawah kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah. Mengenai aspek motivasi, dapatkan menggambarkan purata skor *Fuzzy* (A) sebanyak 0.749. Manakala, purata nilai *Thersholt* (d) sebanyak 0.115 dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar Delphi sebanyak 99.2%.

Selanjutnya, dapatkan keseluruhan membuktikan purata skor *Fuzzy* (A) sebanyak 0.734. Keputusan ini menginterpretasikan tahap persetujuan pakar kajian Delphi untuk menerima aspek motivasi sebagai salah satu aspek kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah. Manakala, purata nilai *Thersholt* (d) sebanyak 0.091 dengan peratus kesepakatan kumpulan pakar Delphi sebanyak 94.3 %. Justeru, nilai ini membuktikan bahawa ketiga-tiga konstruk ini diterima dan relevan dengan kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah.

## PERBINCANGAN

Perbincangan daptan kajian dalam fasa ini berdasarkan kepada daptan mengenai tahap amalan murid terhadap kandungan pembelajaran pendidikan akhlak di sekolah. Justeru, analisis tahap amalan murid terhadap pembelajaran pendidikan akhlak di sekolah dilaksanakan dengan meninjau pandangan murid di daerah Temerloh terhadap dua konstruk yang dikemukakan, iaitu konstruk kesedaran dan persepsi serta konstruk pembudayaan dan sikap.

**Tahap pengamalan nilai-nilai murid di sekolah.** Daptan data tinjauan yang dijalankan ke atas 16 orang panel pakar menunjukkan tahap amalan nilai-nilai Islam murid di sekolah adalah tinggi dengan tahap interpretasi sangat memuaskan. Hal ini, disebabkan murid merasakan amalan beradab adalah merupakan tonggak dan kunci kepada identiti umat Islam. Terdapat beberapa sorotan kajian yang selari dengan kajian ini seperti kajian Noor Jamilah (2014), Muhamad Faizal A. Ghani (2016) dan Nik Rosila (2015). Misalnya, sorotan daptan kajian Noor Jamilah (2014) menemui kesedaran dan persepsi murid untuk mengamalkan adab-adab mulia di sekolah berada pada tahap tinggi. Murid menyakini dan percaya amalan beradab di sekolah dapat meningkatkan kualiti akhlak mereka khususnya aspek keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT. Dengan perkataan lain, keazaman, kecenderungan dan persepsi positif murid untuk mengamalkan adab-adab mulia di sekolah telah memberi manfaat bagi mencorak generasi masa depan yang berilmu dan berpegang teguh kepada prinsip yang berteraskan ajaran Islam (Nik Rosila, 2015).

**Muqarabah.** Daptan kajian mengenai tahap amalan akhlak murid dari aspek muqarabah berada pada tahap tinggi. Hal ini berlaku atas sebab kepercayaan yang mendalam oleh murid berkaitan dengan sifat al'alm dan al-hakim Allah dalam diri murid di sekolah. Dalam konteks ini kesediaan mereka untuk mengamalkan adab-adab mulia di sekolah atas dasar keinginan untuk mendapat pahala dan balasan syurga. Dalam perkataan lain, kandungan kurikulum pendidikan akhlak mengandungi ciri-ciri yang berkonsep ajaran Islam sepenuhnya dan mudah diikuti oleh murid di sekolah. Dalam tinjauan literatur oleh Sarah M. Wadsworth (2015) memdapat bahawa strategi pembelajaran menggunakan kepercayaan agama dan penampilan guru banyak mempengaruhi kepercayaan murid di sekolah.

Mengulas lanjut mengenai penemuan kajian ini, murid menyakini bahawa Allah sentiasa mengawasi tingkah laku mereka. Dalam konteks ini, keberadaan Allah yang sentiasa memberikan perlindungan kepada mereka setiap masa dapat melahirkan rasa selesa dan selamat dalam kalangan murid di sekolah. Malah, kesungguhan mereka untuk mengamalkan akhlak mulia di sekolah adalah selari dengan kehendak dan tuntutan Islam. Hal ini bertepatan dengan sorotan daptan kajian Syed Salim Syed Shamsuddin (2017) menemukan tahap kepercayaan masyarakat terhadap pengawasan moral dalam kehidupan seharian mereka berada pada tahap yang tinggi. Untuk itu, kedua-dua daptan ini membuktikan keselesaan dan kesjahteraan murid untuk mengamalkan adab-adab mulia di sekolah dapat membantu murid mentadbir kehidupan dengan seimbang dan holistik.

**Aspek muhasabah.** Berdasarkan hasil daptan kajian ini, membuktikan mengenai tahap amalan murid terhadap amalan pembelajaran pendidikan akhlak mencapai keinginan murid untuk memiliki personaliti mulia di sisi Allah SWT. Justeru, penemuan ini selari dengan sorotan kajian Muhammad Faizal A. Ghani (2016) menemukan tahap amalan murid terhadap pembelajaran pendidikan akhlak di sekolah berada pada tahap tinggi. Kajian tersebut merumuskan keterbukaan dan keinginan murid untuk berkelakuan baik di sekolah memudahkan murid untuk memahami dan mengurus tingkah laku secara cekap dan teratur. Dalam perkataan lain, murid berpendapat menerusi amalan beradab di sekolah berupaya menyediakan diri mereka dalam untuk depan dengan cabaran dan isu semasa yang akan serta bakal berlaku. Malahan, daptan kajian turut menemui amalan beradab di sekolah dapat menyediakan peluang dan ruang untuk murid menjaga dan mengharumkan nama diri, keluarga dan komuniti sekolah. Ringkasnya, pelaksanaan amalan beradab di sekolah menjadikan murid lebih berjaya dalam hidup dunia dan akhirat.

## Kepentingan Pembelajaran Nilai-nilai Islam Terhadap Pembentukan Keperibadian Murid di Sekolah

Perbincangan daptan kajian dalam bahagian ini berdasarkan kepada daptan mengenai kepentingan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah. Daptan kajian tersebut berdasarkan tahap kesepakatan pandangan yang tinggi dalam kalangan pakar kajian Delphi terhadap item konstruk dalam kajian ini. Kesepakatan diperoleh menerusi analisis *fuzzy Delphi* ke atas data yang dikutip menggunakan teknik Delphi dua pusingan. Justeru, kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah dikenal pasti mengandungi tiga konstruk utama menerusi sorotan kajian dan hasil daptan temu bual pakar kajian Delphi pada pusingan pertama. Tiga konstruk dimaksudkan termasuklah konstruk pengurusan kendiri, konstruk pengurusan tingkah laku dan tindakan, dan konstruk motivasi. Setiap konstruk mempunyai tema dan sub tema masing-masing.

Menerusi kesepakatan dalam kalangan pakar kajian Delphi menemukan perkaitan mengenai tema tersebut selari dengan tinjauan Abdul Rahman Md. Arroff , 1999; dan Nik Rosila Nik Yaakob (2010) bahawa keperibadian mulia berlaku kerana kepatuhan kepada undang-undang dan kontrak sosial yang dibinanya sendiri. Malah, daptan kajian ini selari dengan tinjauan literatur Mohamad Khairi Othman (2015), iaitu kematangan psikologi, emosi dan kognitif menuntut murid untuk menghayati dan mengamalkan nilai murni dalam diri di sekolah. Justeru, penemuan ini selari dengan tinjauan literatur Mohammad Ghazali dan Nor Azzah Kamri (2015) bahawa pembelajaran ilmu nilai-nilai Islam merupakan pembelajaran yang mengekalkan kesinambungan antara akidah dengan tuntutan dan matlamat ajaran Islam.

**Aspek tindakan dan tingkah laku.** Daptan kajian menemukan tuntutan, kerohanian dan sosial merupakan tiga bentuk tindakan yang memberikan kesan terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah. Panel pakar kajian Delphi sependapat bahawa ketiga-tiga aspek tersebut berupaya memberi petunjuk jelas mengenai keberkesanan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap pembentukan keperibadian murid di sekolah. Justeru, daptan kajian menyamai tinjauan literatur Abdul Hamid K (2012) bahawa pembelajaran pendidikan berfungsi sebagai panduan kepada murid untuk merefleksi tindakan, mengenal pasti kesilapan dan memperbaikinya. Malah, menerusi tindakan dan tingkah laku memandu murid menyesuaikan diri dengan isu dan situasi semasa. Justeru, keberkesanan pembelajaran pendidikan akhlak dapat dikenal pasti dan dilakukan bertujuan untuk memperkemaskan pemikiran, watak dan keperibadian murid di sekolah (Azmil Hashim, 2017).

**Aspek Motivasi.** Mengenai tema motivasi, daptan kajian memberi tumpuan terhadap pembinaan sosial dan jati diri yang berupaya membina amalan kolaberatif dalam kalangan murid menerusi komunikasi berkesan dengan komuniti sekolah. Maka, daptan kajian ini menggambarkan menerusi pembelajaran pendidikan akhlak murid berpeluang membuat keputusan, berbincang dan menerima teguran daripada pihak berkepentingan mengenai sesuatu isu dari pelbagai perspektif. Justeru, penemuan ini bertepatan dengan tinjauan literatur Adi Syahid Mohd Ali (2015) menggambarkan menerusi pembelajaran pendidikan akhlak murid berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan pandangan mereka mengenai tingkah laku mulia dengan lebih mendalam. Malah, menerusi pembelajaran pendidikan akhlak menggalakkan perkongsian nilai dan etika secara infomal dalam kalangan murid di sekolah bagi meningkatkan motivasi dan jati diri mereka (Lukman Hakim Ahmad, 2014).

## IMPLIKASI

Secara keseluruhannya, tahap amalan murid terhadap pembelajaran pendidikan akhlak digambarkan menerusi kesedaran dan persepsi murid serta keinginan dan keperluan murid untuk bertingkah laku mulia di sekolah. Menerusi pembelajaran pendidikan nilai Islam, murid dapat memastikan amalan beradab dilaksanakan dengan berkualiti dan berfokus kepada pembangunan tingkah laku. Malah, daptan kajian turut memberikan impak kepada pola tingkah laku murid. Maka, keperluan murid seperti

berketerampilan, berdaya saing, berakhhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni perlu dipenuhi oleh masyarakat sekeliling. Oleh sebab itu, tindakan atau kaedah yang bersesuaian harus mengambil kira ciri-ciri yang dinyatakan. Pemupukan nilai beradab dalam diri murid penting bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang relevan dengan situasi semasa.

Selain itu, dapatan kajian ini, boleh dijadikan penanda aras kepada keberkesanannya pembelajaran pendidikan Islam khususnya bidang pendidikan akhlak di sekolah. Hal ini disebabkan terdapat kajian berkaitan penambahbaikan di Malaysia dan di luar negara membuktikan bahawa kualiti keperibadian murid merupakan salah satu ciri keberkesanannya sekolah. Justeru, sekolah yang berada pada tahap kualiti keperibadian yang sederhana dan kritis perlu diberi peluang untuk menggunakan pakai dapatan kajian ini sebagai rujukan pelaksanaan pembelajaran pendidikan akhlak di sekolah.

Selanjutnya, dapatan kajian ini berpotensi untuk memantapkan lagi nilai-nilai murni serta sikap positif murid terhadap keperluan masyarakat setempat. Malahan, peningkatan nilai komuniti dalam kalangan murid di sekolah meletakkan murid ke arah kehendak masa kini. Dalam konteks yang menyeluruh, pembinaan kualiti keperibadian murid di sekolah bukan sahaja untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid terhadap kepentingan beramal dengan kandungan pembelajaran tersebut namun aspek nilai dan sikap juga dapat diterapkan. Oleh itu, dapatan kajian ini dapat memberi peluang kepada penggubal dasar melihat aspek nilai dan sikap sebagai elemen terpenting dalam aktiviti peningkatan kualiti keperibadian murid di sekolah. Mereka perlu sedar peningkatan dalam aspek kecemerlangan akademik murid berhubung kait dengan aspek disiplin, tingkah laku, sikap dan nilai mulia dalam diri individu.

## KESIMPULAN

Kajian ini melibatkan dua fasa bertujuan untuk mengenal pasti, menilai dan menganalisis keberkesanannya pembelajaran pendidikan akhlak terhadap keperibadian murid di sekolah. Maka kajian telah dilaksanakan pada fasa pertama iaitu fasa amalan menerusi edaran soal selidik ke atas 16 orang panel pakar yang dipilih secara rawak di daerah Temerloh bagi mengenal pasti tahap amalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah. Seterusnya, fasa kedua iaitu fasa kajian Delphi yang merupakan bahagian utama kajian menggunakan kaedah kajian Delphi dua pusingan bagi mengutip data ke atas 16 pakar. Selain itu, majoriti pakar telah bersepakat untuk menyetujui kandungan konstruk kepentingan pembelajaran nilai-nilai Islam terhadap keperibadian murid di sekolah disenaraikan sebanyak tiga konstruk, tiga aspek, sembilan sub tema dan 46 item yang bercirikan kesan pembelajaran pendidikan akhlak terhadap keperibadian murid di sekolah.

Kajian ini memberi implikasi secara langsung terhadap murid dan komuniti sekolah. Malah, kajian ini mampu menyumbangkan idea yang baharu kepada pengkaji lain serta boleh dikembangkan sebagai kajian lanjutan. Kajian ini turut memberi implikasi besar kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam khususnya bidang pendidikan akhlak menjadi tunjang utama kepada keberkesanannya keperibadian murid di sekolah. Malah, kejayaan akademik sebuah sekolah itu sangat signifikan dengan kualiti keperibadian murid dengan faktor dalaman murid dan sokongan komuniti sekolah itu sendiri.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid K. (2012). *Pola pembinaan untuk Meningkatkan Profesionalitis Guru*. Universiti Negeri Medan, Sumatera Utara.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri orang Melayu-muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak, *Jurnal Hadhari Special Edition*, 23-35.
- Abdul Rahman Md Aroff. (1999). *Pendidikan Moral. Teori Etika dan Amalan Moral*. Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusop, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin, & Zamri Abdul Rahim. (2004). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Adi Syahid Mohd Ali & Noorhisham Md Nawi. (2015). *Keberkesanan pembelajaran Inkuiri terbimbang: alternatif penyelesaian krisis nilai*. Universiti Malaysia, Kelantan.
- Ahmad Munawar Ismail. (2016). *Akidah dan Akhlak Dalam Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ainul Mardziah Zulkifli. (2018). *Konsep Muhasabah Diri Menurut Imam Ghazali*. Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universiti Negeri Ar-Raniry, Banda, Aceh.
- Ajmain@ Jimaain Safar, & Ab. Halim Tamuri. Tahap Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Menurut Pentaksiran Rakan Sebaya. Kertas dibentangkan dalam 2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Educatioan. 19-21 Disember 2010, Bangi, Putrajaya, Selangor, 61-73.
- Al-Qaradawi, Y. (2010). *Dur al-Qayyim wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami* (Terjemahan). Bleu-T Publication, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azmil Hashim. (2017). Amalan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Menurut Al-Ghazali: Kajian Terhadap Pelajar di sekolah Agama Di Negeri Perak. *Journal of Islamic And Arabic Education* 9 (1), 2017, 1-11.
- Baraka Manjale Ngussa & Lazarus Ndiku Makawe. (2018). The role of Christian religious education on secondary school discipline in the lake zone, Tanzania. *Journal of research innovation and implications in education*. Vol. 2, Iss. 1 (2018), 1-7.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Englander EK. (2015). ed. *Cyberbullying: Current & Future Research & Directions: A White Paper Submitted to the Institute of Digital Media and Child Development*. New York, NY: Institute of Digital Media and Child Development.
- Fathiyyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid, Proses murabatah al-nafs menurut perspektif al-Ghazali bagi membangunkan individu seimbang dan holistic, *Jurnal al-Anwar*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 2(2) Disember 2016, 173-187.
- Jamilah Mohd Noor. (2014). Keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban Negeri Sembilan, Jabatan Fiqh dan Usul Akademik Pengajian Islam, Universiti Kuala Lumpur.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Siti Fauziyani Md Salleh @ Masrom. (2016). *Didiklah Kami Dengan sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 5. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kemmis, S. (2008). System and lifeworld and the conditions of learning in late modernity. Kertas dibentangkan dalam Sixth International Conference on Experiential Learning, 2-7 July 2008, University of Tampere, Finland.
- Keeney S, Hasson F, McKenna H. (2011). *The Delphi Technique In Nursing And Health Research Malaysia* : A John Wiley & Sons, Ltd. Publication.
- Kennedy, K.J. (2008). The citizenship curriculum: Ideology, content and organization. dlm *The SAGE Handbook of Education for Citizenship And Democracy*; SAGE: Los Angeles, CA, Amerika Syarikat.
- Lacy, K. (2016). Understanding principal class leadership aspirations: Policy and planning implications. Melbourne, Australia: Right Angles Consulting Pty Ltd for Victorian Department of Education and Training, School Leadership Development Unit.
- Leithwood, K. & Jantzi, D. (2011). The effects of transformational leadership on organizational conditions and student engagement with school. *Journal of Educational Administration*, 38(2), 112-129.
- Littky, D. (2016). *The big picture: Education is everyone's business*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Lokman Mohd Tahir & Kalsom Saleh. (2011). Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru-guru Sekolah Rendah. *Journal of Science & Mathematics Education*, Dicapai pada 3 Disember 2012, daripada <http://eprints.utm.my/11910>.
- Lukman Hakim Ahmad. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam pembentukan sahsiah muslim. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39 (2) (2014), 133-140.
- Mardzelah Makhsin, Mohamad Fadhli Ilias dan Mohd Aderi Che Noh, (2014). Amalan hisbah kendiri dalam Pendidikan Islam: Kajian terhadap murid-murid sekolah menengah Kedah. *The Online Journal of Islamic Education* 2(1), 25-37.
- Mohammad Ghozali & Nor Azzah Kamri. (2015) *Keperibadian Islam dan profesionalisme Dalam pekerjaan: Satu analisis teori*, *Jurnal Syariah*, Jil, 23. Bil 2 (2015).

- Mohammad Khairi Othman. (2015). Penghayatan Nilai-nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18: 1-20.
- Muhamad Faizal A. Ghani (2013). Profil Amalan Terbaik Organisasi Pembelajaran. *Jurnal Peradaban*, Vol. 6 (2013), 55-75.
- Muhammad Faizal A. Ghani (2016). Jangkaan Masa Depan Masalah Disiplin Murid Islam Dalam Aspek Amalan Beragama dan Strategi Penyelesaian Menerusi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam: Perspektif pakar. *Jurnal Hadhari*, 7(1). Dicapai di <http://www.ukm.my/jhahdari/>
- Muhammad Fikry Nordin. (2017). Amalan penghayatan pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2010). *Pendidikan Kerohanian dan Moral Prasekolah*. PTS Profession.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn, Malaysia.
- Norfadilah Abdul Rahman dan Zakaria Stapa. (2014). Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi dalam menangani gejala sosial masa kini. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference Intergration on World Conference of Integration Knowledge (WCIK2014) pada 15-16 September 2014, Bandung, Indonesia.
- Nurafzan Muhamamad, Md. Hamzaimi, dan Azrol Md Baharuddin. (2012). Pendekatan Zikrullah Dalam Pembangunan Jiwa Pelatih Pusat Pemulihan Dadah. Universiti Teknologi Mara.
- Nur Azuki Yusuff. (2016). Isu dan permasalahan hubungan antara agama di Malaysia kini dan Jalan penyelesaiannya. Kursus Perbandingan Agama, 12 Februari 2015, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM), Terengganu.
- Nuriman & Fauzan. (2017). The Influence of Islamic Moral Value on Student's Behaviour in Aceh, *Jurnal Dinamika Ilmu*, Jilid 17. Bil. 2 (2017).
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2013). Pengaruh faktor psikososial ke atas penghayatan akhlak islamiah dalam kalangan belia institusi pengajian tinggi terpilih di Malaysia, *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013), 55-64.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit dan Zainab Ismail. (2012). Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. 4(2), 51-60.
- Sarah M. Wadsworth. (2015). *A Qualitative Study on How a Teacher's Religious Belief Affect the Choice they Make in the Classroom*. Student Research & Creative Work. Otterbein University.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor. *Global Journal al-Thaqafah* (GJAT). Disember 2011. Vol. 1 Isu 1, 71-77.
- Schein, D. (2014). Nature's Role in Children's Spiritual Development, *Children, Youth and Enviroments*. 24 (2), 2014, 78-101. <https://doi.org/10.7721/chilyoutenvi.24.2.0078>
- Sigit Tri Utomo. (2017). Internalisasi Nilai-nilai Akhlaqul Karimah Siswa pada Pembelajaran Akidah Akhlak di Madrasah Ibtidaiyah Kecamatan Windusari Kabupaten Magelang, Jawa Tengah, Indonesia.
- Sinar Harian. (2014). Media Sosial Punca Jenayah Pelajar Makin Serius. Sinar Harian Online, 9 September 2014.
- Shahidan Shafie dan Ting-Leh Ling. (2017). Pembentukan sahsiah berkualiti melalui penghayatan kurikulum pengajian Islam: Satu kajian kolerasi di Politeknik, National Conference of Thinking Culture (NCTC) 2017, 01-03 November 2017.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani. (2016). Akhlak Guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Akademika*, Vol. 86, 31-42.
- Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. (2017). Penerapan potensi murid dalam pengajaran dan pembelajaran Islam di prasekolah, *The Malaysian Journal of Islamic Science*, Vol. 19 (special edition) 2017.
- S. Monod, E. Rochet, C. Bull & B. Spencer. (2010). The spiritual needs model: Spirituality Assessment in the Geriatric Hospital Setting. *Journal of Religion, Spirituality & Aging*, Vol. 22, 2010, Issue 4, 271-282. <https://doi.org/10.1080/15528030.2010.509987>
- Suhaimi Mohamad. (2013). Pusat Pengajian Psikologi Dan Pembangunan Manusia Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2017). Konsep Pengawasan Moral dan Hak Asasi Manusia: Tinjauan Mengikut Perundungan Syariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6 Disember2017.